

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 25 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan peruntukan dan perancangan bagi menaik taraf paip air di Wilayah Persekutuan Labuan memandangkan paip yang sedia ada sudah usang dan sering bocor.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan Persekutuan telah merangka perancangan jangka masa panjang untuk menaiktaraf dan menggantikan paip-paip yang usang di Labuan jenis *Asbestos Cement (AC)*, *Cast Iron* dan *Galvanized Iron* yang berusia lebih daripada 40 tahun. Kerja-kerja menaiktaraf dan penggantian paip ini akan dijalankan secara berperingkat memandangkan ianya melibatkan perbelanjaan yang besar.
2. Di bawah *Rolling Plan 1 (RP1) Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)*, RM202.65 juta telah diluluskan bagi melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf dan penggantian paip-paip lama sepanjang 50 km yang akan memberi manfaat kepada hampir 20,000 pengguna air yang berdaftar dengan Bahagian Bekalan Air Labuan. Paip-paip sedia ada ini akan diganti dengan jenis paip yang lebih berkualiti seperti *Ductile Iron*

SOALAN NO : 12

(DI), *Mild Steel Cement Lining* (MSCL) dan *High Density Polyethelene* (HDPE) dalam pelbagai saiz yang bersesuaian. Secara spesifik, kerja-kerja penggantian ini melibatkan kawasan-kawasan seperti berikut:

- (i) **Sepanjang Jalan Mohd Salleh hingga ke Simpang Bukit Kallam, Jalan Sg, Bedaun hingga ke Terminal Shell, Jalan Bukit Timbalai sehingga persimpangan Sg Pagar dan Sepanjang Jalan Bukit Besar sehingga persimpangan Sg Lada.** Tender kerja bagi keempat-empat kawasan ini telah dibuka pada 18 Oktober 2021 dan akan tutup pada 2 Disember 2021. Kerja-kerja fizikal dijangka dapat dimulakan pada Februari 2022;
- (ii) **Jalan Patau-Patau dari Simpang Jalan Ranca-Ranca Lama ke Simpang Jalan Ranca-Ranca dan Pulau Enoe** di mana tender bagi lantikan kontraktor akan dibuka pada awal Disember 2021. Kerja-kerja fizikal dijangka dapat dimulakan pada April 2022;
- (iii) **tiga buah Kampung Air di Labuan iaitu Kg. Air Patau-Patau 1, Kg. Air Patau-Patau 2 dan Kg Air Bebuloh.** Tender perunding bagi kawasan ini telah ditutup pada 10 November 2021 dan pada masa ini dalam peringkat penilaian; dan
- (iv) **sepanjang jalan Batu Manikar** di bawah Program NRW Kebangsaan Pendekatan 1. Surat Setuju Terima (SST) dijangka dapat dikeluarkan pada Februari 2022 dan kerja dijangka siap pada 2025.

Sekian, terima kasih.